

# Tindakan Komuniti dalam Pengurusan Bencana Banjir: Sorotan Naratif

*by Noremy Md Akhir*

---

**Submission date:** 01-Jul-2024 12:47PM (UTC+0800)

**Submission ID:** 2411045377

**File name:** ebangi05cleanturnitin.docx (4.24M)

**Word count:** 6884

**Character count:** 45822

Artikel

**Tindakan Komuniti dalam Pengurusan Bencana Banjir: Sorotan Naratif**  
(*Community Action in Flood Disaster Management: A Narrative Review*)

Noorus Sarahaqilah Mohd Yusof<sup>1</sup>, Noremy Md Akhir<sup>1\*</sup> & Surendran Rajaratnam<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [noremy@ukm.edu.my](mailto:noremy@ukm.edu.my)

**Abstrak:** Pengurangan risiko menjadi fokus dalam menghadapi bencana secara global oleh Persidangan Antarabangsa (*World Conference on Disaster Reduction, WCDR*) di Jepun sejak tahun 2005. Hasil daripada persidangan tersebut telah mewujudkan Kerangka Hyogo untuk Tindakan 2005-2015 (*Hyogo Framework for Action, 2005-2015*). Kerangka Hyogo ini diperbaharui dengan Kerangka Sendai (2015-2030) dengan bertujuan memperkasakan komuniti untuk bertindak dalam mengurangkan keterancaman terhadap bahaya bencana. Namun kebanyakan pengalaman kes bencana di Malaysia, komuniti menggunakan pendekatan dengan menunggu bantuan yang dihulurkan berbanding mengambil inisiatif menyelamatkan dan menyelesaikan isu dihadapi terlebih dahulu. Ini kerana, komuniti tidak seharusnya dipandang sebagai golongan pasif sebaliknya mereka merupakan *first-responder* yang perlu diperkasakan dengan penglibatan aktif dari bawah ke atas (*bottom – up*). Walau bagaimanapun, kajian mengenai pengurusan bencana bagi memperkasakan komuniti dalam pengurusan bencana masih terhad di Malaysia. Oleh itu, ulasan artikel ini berkaitan dengan pengurusan bencana banjir berasaskan komuniti. Artikel ini turut memfokuskan pemerksaan komuniti, tindakan komuniti, serta daya tahan komuniti dalam mengendalikan bencana. Kaedah kajian yang digunakan melalui carian literatur daripada pangkalan data seperti *Scopus, Web of Science, Research Gate, Science Direct dan Google Scholar*. Bilangan akhir kajian yang terpilih sebanyak 10 kajian. Tema-tema yang wujud daripada ulasan ini ialah pengetahuan komuniti, pengalaman dalam menghadapi bencana, kemahiran menyelesaikan masalah dan kepimpinan jawatankuasa komuniti dan penglibatan komuniti. Oleh itu, komuniti seharusnya mempunyai pengurusan bencana yang komprehensif bagi mengurangkan kesan daripada krisis bencana dan dapat mengembalikan kefungsi hidup mereka semula selepas bencana.

**Kata Kunci:** Pengurusan Bencana, Pemerksaan Komuniti, Tindakan Komuniti, Daya Tahan Komuniti, Komuniti Bencana Banjir.

**Pengenalan**

Bencana merupakan fenomena alam semula jadi yang berlaku diluar jangkauan manusia. Menurut Noor Azmi et al. (2022), bencana merupakan insiden yang sukar untuk ditetapkan waktu lokasi, dan akibatnya. Kesan bencana hanya dapat dilihat selepas daripada statistik jumlah mangsa yang terkorban dan kemusnahan fizikal. Manakala banjir didefinisikan sebagai bencana alam yang kerap berlaku di kebanyakan negara di dunia (Salhab & Rentcheler 2020). Menurut Boudreau et al. (2023), banjir disebabkan hujan lebat berpanjangan di kawasan yang berisiko. Di Malaysia, banjir dapat dikategorikan kepada banjir monsun dan banjir kilat (Hua 2019). **Banjir monsun** dikenali sebagai banjir bermusim iaitu Monsun Timur Laut yang bermula pada awal bulan November dan berakhir pada bulan Mac khususnya di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung

Malaysia dan Sarawak Barat (Buslima et al. 2018). Banjir kilat pula disebabkan oleh pembangunan pesat yang tidak terancang seperti pembinaan bangunan di kawasan tadahan hujan sehingga menyebabkan air hujan mengalir dengan cepat ke kawasan rendah (Norashikin et al. 2018). Fenomena ini mampu memberi kesan negatif kepada mangsa yang mengalaminya seperti jumlah kematian yang tinggi, kemusnahan tempat tinggal, kehilangan harta benda, kerosakan alam sekitar, kerosakan infrastruktur dan membawa trauma serta kesan psikologikal kepada mangsa (Noremy et al. 2017). Selain itu, Ghapar et al. (2018) telah menyatakan bahawa banjir yang berlaku juga memberi impak kepada komuniti, seperti mengganggu rutin seharian dan menyebabkan perubahan jangka panjang.

Sehubungan dengan itu, kejadian bencana yang berlaku semakin mendapat perhatian di setiap negara untuk mengambil langkah pengurangan risiko bencana yang mana secara tradisinya memberi penumpuan pendekatan berpusatkan kerajaan iaitu secara peringkat atas ke bawah (*top-bottom*) (Chan 2012). Kajian yang dijalankan oleh Shariff dan Hamidi (2016b) turut menyokong pendekatan *top-down* yang digunakan dalam pengurusan bencana banjir tidak proaktif dan masih menjadi satu permasalahan yang perlu dikaji. Manakala kebanyakan persepsi komuniti mempunyai pandangan terhadap diri mereka sebagai “mangsa” atau “penerima” bantuan sahaja apabila berlakunya bencana (Bahrudin 2012). Sebaliknya, komuniti merupakan institusi terawal yang perlu bertindak bagi menghadapi situasi bencana sebagai watak utama. Penglibatan dan penyertaan aktif oleh peringkat komuniti bencana banjir secara (*bottom-up*) mampu memgembangkan potensi dan meningkatkan keupayaan mereka untuk lebih berdaya upaya dalam fasa-fasa pengurusan bencana (Fahrudin 2016). Ini selaras dengan matlamat Rangka Kerja Sendai (2015-2030) yang menekankan peranan komuniti dalam bencana dengan memperkasakan komuniti tempatan mengikut budaya dan konteks tempatan. Dalam pendekatan ini, komuniti bukan hanya menjadi sebahagian daripada menubuhkan rancangan dan keputusan, namun ia menjadi pemain utama dalam pelaksanaannya. Selain itu, kesan daripada kejadian bencana hanya dapat dilihat dengan jelas selepas berlakunya bencana. Walaupun pelbagai teknologi dicipta untuk mengekang risiko bencana, namun jika setiap individu, komuniti dan kumpulan tidak menitikberatkan elemen daya tahan maka ianya tidak membawa apa-apa maksud dan matlamat negara. Oleh itu, pelaksanaan dan sumbangan daripada komuniti sendiri di peringkat tempatan amat penting dalam menyumbang kepada kemampuan kerajaan bagi meningkatkan kemampuan setiap individu bagi mengatasi sebarang bentuk bencana pada masa akan datang dengan lebih efektif.

Terdapat beberapa kajian luar negara yang menghasilkan penyelidikan berkaitan pengurusan bencana yang berasaskan komuniti seperti (Jahangiri et al 2011; Ridwan Heriantoo, Soni Akhmad Nulhaqim & Hadiyanto A. Rachim 2015). Walau bagaimanapun, kajian berkaitan pemerksaan komuniti dalam pengurusan bencana di Malaysia masih terhad dijalankan. Hal ini kerana, kajian di peringkat lokal sendiri banyak membincangkan tentang polisi, strategi dan pengurusan bencana di peringkat kerajaan dan bukan badan kerajaan (NGO). Justeru itu, melalui kelompongan, saranan dan cadangan yang dicadangkan oleh kajian-kajian terdahulu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tindakan komuniti dalam menguruskan bencana banjir berdasarkan pengalaman-pengalaman komuniti sendiri. Faktor daya tahan (resilien) yang dikenal pasti akan dapat mengurangkan masalah psikologi yang teruk kepada mangsa bencana (Maruzairi, Mohd Zawari & Wan Nor Arifin, 2015; Noremy et al. 2020; Mohd Dahlan et al. 2015; Nur Saadah et al. 2015). Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Raja Noor Afiz et al. (2023), menyatakan Malaysia turut tidak mempunyai pelan tindakan banjir secara komprehensif sebagai pengurusan bencana yang dikhususkan kepada komuniti yang berisiko. Sehubungan itu, adalah penting bagi pengkaji mengkaji dan mengetahui pengurusan bencana berasaskan komuniti agar ianya mampu untuk membantu serta bersedia dalam mengharungi bencana dengan sistematik dan berkesan.

### **Kajian Literatur**

Kejadian bencana banjir telah mendapat perhatian sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa. Hal ini demikian kerana, adalah penting untuk melaksanakan amalan, dasar atau pelan yang komprehensif dalam pengurusan bencana di peringkat komuniti bagi mengurangkan risiko bencana. Di Malaysia, mekanisme pengurusan bencana dikategorikan kepada tiga tahap iaitu i) Peringkat Pusat ii) Peringkat Negeri dan iii) Peringkat Daerah. Dalam proses pengurusan bencana, kesiapsiagaan memainkan penting daripada pelbagai

pihak, termasuk kerajaan, aganasi, swasta, golongan profesional, organisasi pemulihan, kumpulan atau komuniti dan individu. Oleh itu, dengan pelaksanaan model pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir di Malaysia, ia dilihat selaras dengan matlamat Rangka Kerja Sendai (2015-2030) agar memberi tumpuan lebih kepada usaha untuk memperkasa komuniti terutamanya golongan rentan yang merangkumi wanita, warga emas, kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU) dan imigran. Pemerkasaan ini perlu dijalankan melalui latihan dan pengurusan bencana berasaskan komuniti (CBDM) untuk membentuk negara dan komuniti yang berdaya tahan dalam menghadapi bencana, Manakala menurut Ahmad Azan et al. (2017) dan Noremy et al. (2023) pendidikan, keterlibatan dan kepimpinan yang ada dalam sesebuah komuniti mempunyai hubungan yang signifikan dengan persiapan komuniti dalam menguruskan fasa-fasa bencana. Oleh itu dengan mewujudkan strategi ini, tindakan pencegahan melalui program mitigasi pengurangan risiko bencana, menambah baik perancangan kesiapsiagaan dan tindak balas bencana serta pemulihan semula selepas bencana adalah inisiatif yang wajar diaplikasikan semua pihak dalam kitaran pengurusan risiko bencana.

### 1. Pengurusan Bencana Berasaskan Komuniti

Menurut kajian Glago (2021), pengurusan bencana berasaskan komuniti (*Community-Based Disaster Management* (CBDM) merupakan satu inisiatif negara di mana komuniti memainkan tanggungjawab utama dalam menguruskan risiko dan kesan bencana. Pendekatan ini memfokuskan pada penyertaan aktif masyarakat dalam semua tahap pengurusan bencana, termasuk pencegahan, persediaan, tindak balas, dan pemulihan. Shohid Mohammad (2016) mengupas kepentingan pengurusan bencana di Bangladesh yang menekankan penglibatan aktif masyarakat tempatan dalam perancangan, kesediaan, tindak balas dan usaha pemulihan yang berkaitan dengan bencana alam. Ini kerana, komuniti merupakan pihak berkepentingan utama dalam pengurangan risiko bencana. Kenyataan ini disokong oleh Lassa (2018), di mana pihak utama yang merasai kesan langsung bencana dan memerlukan bimbingan adalah komuniti sendiri. Pengurusan bencana secara (*bottom – up*) akan menjadi lebih efektif sekiranya mendapat kerjasama dari pihak pengurusan bencana daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) (Sim, Dominelle & Lau 2017; Wiwandari et al. 2019). Pernyataan ini disokong oleh kajian Sachin et al. (2020), di mana pengurusan bencana tidak seharusnya memandang ke arah sesuatu agensi atau organisasi sahaja, sebaliknya ia memerlukan kolaborasi pelbagai agensi dan pemegang taruh pada setiap peringkat yang mempunyai kepakaran masing-masing.

Banyak kajian yang menunjukkan kesan positif daripada komuniti yang berdaya tahan dalam berhadapan dengan bencana. Sebagai contoh kajian di Vietnam menjadi "*role model*" kepada negara-negara lain untuk melibatkan diri dalam program pengurusan bencana di peringkat komuniti ini. Kajian daripada Lestari et al. (2012) juga menunjukkan pengurusan komunikasi semasa bencana yang dijalankan dengan pendekatan berasaskan komuniti dianggap berkesan dalam mempercepatkan proses pengendalian bencana letusan Gunung Merapi 2010 semasa dalam tindak balas kecemasan. Di samping itu, kesan positif dari pendekatan ini turut ditunjukkan oleh kajian Wulandari, Sagala, & Sullivan (2018) mendedahkan bahawa pemimpin komuniti mampu menyatukan jurang antara agensi kerajaan dan komuniti dalam proses pengurusan bencana. Pendekatan ini bukan sahaja memperkenalkan komuniti terhadap risiko dan ancaman bencana tetapi turut menggerakkan komuniti untuk menyumbang secara langsung kepada pelbagai langkah pengurusan bencana. oleh itu, impak negatif daripada bencana dapat dikurangkan kerana komuniti telah bersedia untuk membangunkan kapasiti komuniti melalui pengurusan komuniti di proses perancangan, penyusunan, penggubalan dasar, kerjasama, dan kawalan (Salajengheh & Pirmoradi, 2013). Kajian daripada Sarabia et al (2020) menyatakan bahawa pendekatan ini boleh memberikan impak positif kepada tiga aspek penting dalam melahirkan komuniti yang berdaya tahan iaitu pengetahuan, kesediaan, pengurusan aset, dan sokongan sosial.

2 Pengurusan bencana berasaskan komuniti di Malaysia lebih memfokuskan keterlibatan komuniti secara aktif dalam usaha untuk mengurangkan kelemahan dan meningkatkan kapasiti mereka. Program ini dijalankan untuk menggalakkan penyertaan daripada komuniti dan kerajaan tempatan untuk mengenal pasti, menganalisis, memantau dan menilai potensi risiko dalam persekitaran mereka. Salah satu contohnya ialah, *School Preparedness Programme*. Program ini dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar sekolah tentang bahaya yang mereka hadapi dan meminimumkan risiko oleh bencana alam (Haliza 2018). Pendekatan CBDM ini turut memberi peluang kepada komuniti setempat untuk menilai situasi berdasarkan

pengalaman mereka sendiri. Di bawah pendekatan ini, komuniti bukan hanya menjadi sebahagian daripada membuat rancangan dan keputusan, tetapi juga menjadi pemain utama dalam pelaksanaan. Pendekatan CBDM ini melibatkan penglibatan ahli komuniti di setiap peringkat pengurusan bencana dan sebagai penyokong kepada pembangunan komuniti resilien (Noremy 2020).

Bagaimanapun, menurut kajian berkaitan dasar banjir di Malaysia oleh Roosli dan O'Brien (2011), dasar-dasar yang dibentuk di Malaysia untuk pengurusan bencana banjir lebih mengutamakan kepada pendekatan secara peringkat atas ke bawah (*top-down*) dan akhirnya gagal memenuhi keperluan komuniti bencana. Pernyataan ini turut disokong oleh Chan (2012) di mana pengurusan bencana di Malaysia yang menekankan pendekatan secara peringkat atas ke bawah tidak berkesan kerana kerajaan hanya bertindak dalam memberikan perkhidmatan dan bantuan semata-mata kepada komuniti bencana. Kajian Badrudin (2012) turut menyifatkan pendekatan *top-bottom* sebagai pendekatan tradisi komuniti yang mana komuniti dianggap sebagai "mangsa" dan "penerima" bantuan sahaja. Selebihnya masyarakat luar pula difahamkan tanggungjawab mereka adalah untuk menderma bantuan fizikal dan tenaga serta menjalankan kerja-kerja sukarelawan kepada mangsa bencana. Oleh itu, persepsi sedemikian adalah tidak betul dan harus diubah. Selain itu, walaupun bencana banjir merupakan bencana yang sering terjadi di Malaysia, namun masih terhad kajian dan perbincangan berkaitan pengurusan bencana daripada pihak komuniti dilakukan. Jika ada sekalipun, lebih banyak diperhatikan dari aspek pengurusan bencana agensi yang memainkan peranan dalam menguruskan komuniti mangsa bencana oleh (Pelan Tindakan Agensi Bencana Banjir NADMA 2019; Maria Suleiman & Nor Shazlin 2015; Sandaran 2015) dan beberapa penyelidikan yang lain.

## 2. Ketahanan Komuniti

Ketahanan komuniti didefinisikan sebagai keupayaan sebuah komuniti bagi menghadapi, mengatasi, dan mampu mengembalikan kefungsi sosial mereka selepas berlaku cabaran atau krisis, seperti bencana alam, krisis ekonomi, atau isu-isu sosial. Penyelidikan ketahanan komuniti bencana (*community disaster resilience*) menjadi konsep terkenal dan mendapat penerimaan yang meluas dalam pelbagai bidang penyelidikan seperti disiplin psikologi, sosiologi, kerja sosial dan pembangunan komuniti (Noremy et al. 2020; Odoardi & Muratore 2018; Rapaport et al. 2018; Paudel & Ryu 2018). Dalam perkembangan terkini, istilah daya tahan memberi tumpuan terhadap sarjana sains sosial yang menjalankan pembangunan sosial dan komuniti bagi kajian di peringkat komuniti (Chong, Kamarudin & Abd Wahid 2018). Kajian lepas mengkaji ketahanan komuniti bagi menghadapi bencana alam seperti Amir Zal (2018) menunjukkan perbezaan keupayaan ketahanan komuniti terhadap bencana berbanding komuniti lain dari aspek sosial dan ekonomi komuniti. Hasil kajian menunjukkan komuniti yang mempunyai tahap ketahanan yang sederhana masih lagi terancam dan tidak bersedia untuk berhadapan dengan risiko bencana. Manakala kajian yang dijalankan oleh Ahmad Azan et al. (2017) tentang kesediaan komuniti dalam menghadapi bencana tanah runtuh menunjukkan elemen ketahanan komuniti merangkumi kerjasama komuniti, pendidikan dan wujud kepimpinan dalam komuniti itu sendiri. Menurut Kirchberger (2017) kegagalan dalam memahami kepentingan daya tahan komuniti di peringkat awal akan merumitkan usaha untuk mengembalikan fungsi komuniti selepas bencana, lebih-lebih lagi bencana yang memberi impak besar kepada ekonomi dan kebajikan sesebuah komuniti. Kejadian bencana banjir di Malaysia memberi impak negatif kepada mangsa yang mengalaminya atas faktor sikap dan tahap kesedaran yang rendah dalam komuniti (Chan 2012). Hal ini demikian, ketahanan komuniti merupakan asas penting dalam sesebuah komuniti untuk pulih dengan cepat. Malah ia juga menjadi penentu kepada kejayaan komuniti untuk pulih setelah berhadapan dengan bencana (Imperiale & Vanclay 2016). Namun begitu, tahap kesedaran yang rendah dan kurang pendedahan berkaitan ketahanan komuniti adalah satu punca ketidakfahaman komuniti dalam proses pengurusan bencana.

Selain itu, kajian yang dihasilkan oleh Noremy (2018), kecekapan sendiri, strategi daya tindak dan semangat kemasyarakatan dalam kalangan komuniti adalah antara sumber dalaman disamping sokongan sosial dan kepimpinan komuniti sebagai sumber luaran yang mempengaruhi daya tahan komuniti banjir ketika mereka berhadapan dengan peristiwa bencana banjir. Menurutnya lagi, komuniti yang mempunyai daya tahan yang tinggi mampu menggunakan kekuatan dalaman yang wujud dalam diri mereka di samping memanfaatkan sumber luar yang ada untuk menyelesaikan masalah dan cabaran daripada bencana banjir yang berlaku. Untuk

menjadikan komuniti yang berdaya tahan, ia memerlukan penglibatan secara langsung di peringkat akar umbi daripada semua tahap pelaksanaan penglibatan secara langsung. Penglibatan diri mereka sendiri untuk bertindak dan berdaya tahan daripada menunggu bantuan tiba (*bottom – up*) akan dapat mengurangkan risiko, kehilangan nyawa. Hal ini demikian kerana, komuniti bencana banjir adalah watak utama sekiranya berlaku sesuatu bencana di penempatan tersebut. Manakala untuk memperkasakan sesebuah komuniti untuk bertindak dalam menghadapi bencana banjir, pemimpin komuniti bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan dan memberi bantuan kepada komuniti bencana banjir melalui ketiga-tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas berlaku banjir.

Kajian berkaitan dengan ketahanan individu, kumpulan dan komuniti dalam usaha untuk memupuk masyarakat yang mampu bertindak untuk mengurangkan risiko bencana banjir adalah sangat minima. Umumnya, kajian lepas kebanyakannya fokus kepada daya tahan komuniti secara menyeluruh dengan memberi penekanan terhadap indikator ekonomi (Chong et al. 2018), modal sosial dan budaya dalam konteks modal komuniti (Amir Zal 2018) serta langkah komuniti dalam meminimalkan risiko selepas peristiwa banjir (Anua & Weng 2020). Oleh itu, pihak kerajaan, sektor swasta, institusi akademik dan semua lapisan masyarakat perlu bekerjasama dan dilibatkan secara langsung dalam membangunkan komuniti yang berdaya tahan bagi menghadapi bencana pada masa hadapan.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan tinjauan literatur melalui pangkalan data seperti *Scopus*, *Web of Science (WoS)*, *Research Gate*, *Science Direct* dan *Google Scholar*, untuk mendapatkan artikel-artikel, jurnal, dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan konteks kajian. Daripada hasil pencarian, pengkaji mendapatkan literatur artikel dalam lingkungan tahun 2016 sehingga 2024 dengan menggunakan kata kunci seperti “ketahanan diri”, “tindakan komuniti”, “pemeriksaan komuniti”, “pengurusan bencana” dan “ulasan naratif” sepanjang proses pencarian dan pengumpulan data sekunder. Sebarang kajian tambahan adalah melalui rujukan artikel yang diambil. Rajah di bawah menunjukkan proses pemilihan kajian literatur:

### Hasil Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan 10 kajian yang terpilih, terdapat beberapa tema yang terhasil daripada tinjauan kajian-kajian lepas daripada Shariff et al. (2019), Raja Noor Afiz et al. (2023), Titko, Ristvej dan Zamiar (2021), Noremy et al. 2023, Ang Kean Hua (2016), Shohid Mohamad (2016), Pandey (2019), Aditya Ramadhan et al. 2019, Wiwandari et al. (2019), Suharini dan Edi Kurniawan (2021). Antara tema yang diperolehi adalah pengetahuan komuniti, pengalaman menghadapi bencana, kemahiran menyelesaikan masalah, kepimpinan jawatankuasa komuniti, dan penglibatan komuniti

#### *Pengetahuan Komuniti*

Elemen pengetahuan bencana banjir ini terdiri daripada pendidikan mengenai bencana, pengetahuan berkaitan jenis-jenis bencana, petunjuk awal bencana dan langkah-langkah yang perlu diambil apabila berlaku fasa-fasa bencana. Berdasarkan kajian lepas Ojomo et al. (2015) pengetahuan dan tingkah laku komuniti untuk bertindak pada masa hadapan amat penting bagi menyediaan komuniti berada dalam keadaan lebih bersedia untuk menghadapi kesan perubahan iklim. Namun begitu, pengetahuan yang terhad berkaitan perubahan iklim membawa kepada jurang persediaan komuniti (Nanlohy et al. 2015). Kenyataan ini disokong oleh Stoutenborough dan Vedlitz (2014), di mana terdapat jurang yang besar terhadap pengetahuan komuniti atau orang awam kerana lebih mempercayai media massa berbanding dengan saintis. Oleh itu, bagi meningkatkan pengetahuan komuniti mengenai risiko bencana, aspek pengurusan ilmu perlu disalurkan dari peringkat agensi ke peringkat komuniti (Hayrol Azril Bahaman & Jeffrey 2013).

Kajian Raja Noor Afiz et al. (2023), hasil dapatan mendapati tahap daya tahan komuniti masih lagi berada di zon waspada dan menunjukkan skor terendah yang perlu diberi perhatian. Walau bagaimanapun, komuniti mengetahui langkah-langkah atau tindakan yang perlu diambil apabila berlakunya bencana banjir

terlebih dahulu seperti penyediaan bag khas untuk bekalan pakaian, makanan kering, ubat-ubatan bagi keperluan kecemasan. Menurutny lagi, komuniti turut sedar akan tindakan-tindakan yang perlu diambil dengan mengambil sikap sentiasa berwaspada dan bersiapsiagaan apabila berlaku bencana. Ini menunjukkan pengetahuan komuniti dalam menguruskan bencana adalah elemen penting dalam memperkasakan komuniti terhadap risiko bencana. Tambahan lagi, pengetahuan yang dimiliki oleh komuniti bencana banjir mampu membantu mereka untuk bertindak dengan lebih efektif sekali gus dapat mengurangkan risiko bencana yang lebih teruk seperti kehilangan nyawa dan kesan psikologikal (Chen et al. 2013).

Berdasarkan hasil analisis kajian Shariff et al. (2019) pendekatan yang berasaskan komuniti bagi bencana banjir (*Community-based Approach for Flood Preparedness Plan*) dapat dibentuk melalui kesedaran komuniti terhadap risiko bencana dan pengetahuan bagi menghadapinya. Hasil kajian turut menunjukkan, responden menjalankan aktiviti simulasi bencana banjir dengan didedahkan pengetahuan dalam mengetahui kelebihan dan kekurangan penempatan mereka daripada pemerhatian. Daripada simulasi tersebut, komuniti dapat menghasilkan satu pelan pengurusan risiko bencana di penempatan mereka. Hal ini demikian kerana komuniti setempat lebih mengetahui ahli komuniti dan persekitaran mereka. Oleh itu, ia dapat menyumbang kepada pengurusan bencana banjir yang lebih baik di peringkat komuniti sendiri. Pernyataan ini turut disokong oleh hasil kajian Erni Suharini dan Edi Kurniawan (2020) di mana komuniti yang berpengetahuan dalam menghadapi bencana akan bertindak dengan lebih pantas berbanding komuniti yang kurang didedahkan dengan pendidikan dalam menguruskan bencana.

Di samping itu, pengetahuan turut dipengaruhi daripada perbezaan jantina. Ini kerana hasil kajian oleh Soon Singh et al. (2018) menunjukkan jantina perempuan mempunyai tahap pengetahuan berkaitan bencana lebih baik berbanding jantina lelaki. Hal ini demikian, jantina perempuan lebih kerap membaca dan mencari maklumat berkaitan bencana melalui pengkongsian informasi daripada rakan-rakan atau jaringan internet. Ini selaras dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Tuladhar et al. (2015) di mana tahap pengetahuan guru perempuan dalam bencana gempa bumi lebih baik daripada guru lelaki. Komuniti yang berpengetahuan juga terlahir disebabkan hubungan sosial di dalam sesebuah komuniti (Cantrell & Stanfford 2013). Ini turut disokong oleh kajian Singh dan Devkota (2015), komuniti yang menetap di kawasan risiko berlaku bencana, lebih mempunyai pengetahuan dalam mengendalikan bencana. Oleh itu, pengetahuan komuniti dalam pengurusan bencana tidak seharusnya diabaikan (Brennan & Flint 2007). Bukan itu sahaja, Santha et al. (2019) mengatakan pengetahuan individu terbentuk daripada pengalaman peribadi mereka dalam menghadapi bencana banjir. Bagi memperkasakan komuniti dan meningkatkan keupayaan mereka dalam pengurusan bencana, komuniti seharusnya memahami komponen dan konteks bencana dan bagaimana untuk mengurangkan risiko bencana terhadap mereka sendiri. Akhir sekali banyak kajian telah menjalankan penyelidikan terhadap pengetahuan masyarakat tempatan seperti (Aryal 2014; Combaz 2013; Gaillard dan Mercer 2012; Hossain 2013; Islam dan Walkerden 2014; Salmon et al. 2011; Syafwina 2014) kerana dipercayai sebahagian besarnya disebabkan oleh kepelbagaian serantau sejurus mengubah kerentanan dalam pengurusan bencana alam di setiap negara.

#### *Pengalaman Menghadapi Bencana*

Elemen pengalaman ini dapat dikaitkan dengan jenis bencana yang komuniti pernah hadapi, tempoh kejadian, kesan bencana serta tindakan sebelum, semasa dan selepas berlaku bencana. Noremy et al. (2023), mengatakan hasil responden kajiannya bertindak dalam menguruskan fasa-fasa berlakunya bencana banjir berdasarkan pengalaman mereka menghadapi bencana pada tahun sebelumnya. Hal ini demikian kerana, melalui pengalaman menghadapi bencana komuniti dapat membuat persediaan awal seperti menyediakan bag kecemasan dan barang penting terlebih dahulu untuk berpindah ke tempat yang lebih selamat. Melalui pengalaman tersebut, komuniti turut dapat mengurangkan tekanan kerana berupaya untuk menjangkakan impak sesuatu kejadian. Ini disokong oleh Chairummi (2013) di mana kesiapsiagaan dalam menguruskan bencana tidak dapat dijalankan dengan baik sekiranya komuniti tersebut belum pernah mengalaminya berbanding dengan komuniti yang mempunyai pengalaman mengendalikan bencana.

Selain itu, sesetengah individu akan menjadi lebih peka terhadap persekitaran sekeliling mereka dan menjadi lebih bersedia untuk menghadapinya. Ini dibuktikan oleh Odiase, Wilkinson dan Neef (2020)

kesedaran mangsa berkaitan risiko bencana serta pengalaman yang dilalui oleh mereka sebelumnya dapat mempengaruhi persiapan komuniti dalam menghadapi risiko bencana seperti gempa bumi, banjir dan tsunami. Manakala melalui hasil kajian Titko, Ristvej dan Zamiar (2021) di Republik Slovak yang melibatkan 794 sampel, pengalaman buruk yang dilalui oleh komuniti bencana telah memberi kesedaran dan kesan kepada mereka untuk bertindak proaktif dalam mengambil inisiatif pencegahan, peredaran dan persiapan menghadapi segala bencana. Seterusnya melalui hasil kajian daripada Ang Kean Hua (2016) berkaitan persiapan komuniti dalam menghadapi banjir monsun di Kota Bharu, Kelantan, mendapati bahawa pengalaman yang dilalui oleh komuniti pada musim tengkujuh setiap tahun telah membuatkan mereka sentiasa membuat persediaan.

Begitu juga dengan pandangan dari kajian yang dijalankan oleh Tuan Pah Rokiah et.al (2015), terhadap 1100 sampel di beberapa mukim dalam daerah Segamat, Johor di mana persiapan individu dan komuniti bencana akan dipengaruhi oleh pengalaman yang dialami oleh mereka sendiri. Hal ini demikian, komuniti yang mempunyai pengalaman sebelumnya dalam berhadapan dengan bencana akan lebih membuat persiapan awal dari sudut psikologi meliputi aspek kognitif, efektif dan psikomotor berbanding dengan komuniti yang tiada pengalaman menghadapi bencana. Selain itu, Nasir et al. (2017) yang menghasilkan kajian berkaitan kesan bencana banjir terhadap perniagaan dan pengalaman yang dilalui oleh mereka menjadikan sebahagian daripada mengambil serius terhadap peredaran dan persediaan menghadapi bencana. Oleh itu, tindakan komuniti dalam bekerjasama antara semua pihak merupakan kunci utama kejayaan bagi menimbulkan kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat tentang ancaman bencana (Nasir et al. 2017).

#### *Kepimpinan Jawatankuasa Komuniti*

Dalam menguruskan bencana dan kesiapsiagaan kecemasan, kepimpinan komuniti perlu saling bekerjasama dengan komunitinya dalam memastikan pengurusan bencana berjalan dalam keadaan baik. Pemimpin komuniti merupakan pengantara separa yang berdaya maju antara penglibatan komuniti, pendidikan dan kesedaran ke arah mempertingkatkan kesiapsiagaan masyarakat. Umumnya, pemimpin komuniti yang berkebolehan mungkin membawa faktor kejayaan untuk memastikan masyarakat lebih bersedia dan lebih tabah dalam menghadapi bencana yang mendatang. Di Bangladesh pemimpin komuniti iaitu ketua kampung atau kawasan, pihak sekolah dan pengedaran maklumat melalui secara hebahan poster turut memainkan peranan penting untuk memastikan penyampaian maklumat berkesan (Shohid Mohammad 2016). Begitu juga hasil kajian yang dilakukan oleh Sarina Yusoff (2020) di mana aktiviti yang berasaskan komuniti (*community-based*) dilakukan oleh pihak jawatankuasa pengurusan banjir yang mewakili ahli komuniti sendiri agar maklumat yang disampaikan dapat disalurkan kepada komuniti mangsa banjir.

Dengan wujudnya sumber sokongan maklumat daripada pemimpin komuniti dan pihak pengurusan bencana yang terlibat, ia didapati dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kesiapsiagaan dalam kalangan komuniti mangsa bencana bagi menghadapi bencana banjir pada masa akan datang. Hasil analisis kajian daripada Pandey (2019) yang mana menjalankan kajian berkaitan cabaran dan ketahanan komuniti dalam menghadapi bencana di negara Nepal. Mengikut kajian, komuniti di Nepal mempunyai penubuhan badan kepimpinan dalam komuniti mereka bagi menguruskan risiko bencana seperti persatuan ibu, persatuan belia dan komuniti ini turut mempunyai komuniti yang sukarela dalam menyediakan kepimpinan tempatan bagi menjalankan aktiviti selepas bencana. Manakala, kajian yang dihasilkan oleh Che Siti Noor (2021) berkaitan bencana tanah runtuh, Indonesia memperkasakan komuniti mereka dengan melibatkan pihak komuniti setempat dan Pihak Berkuasa Tempatan mereka dengan menyediakan akses kepada maklumat yang cepat untuk tindakan pengurangan risiko bencana dan mitigasi bencana yang bakal berlaku. Karnawati et al. (2009) pula menjelaskan, Indonesia bertindak untuk melibatkan pemimpin komuniti dan komuniti setempat mereka dengan membangunkan peta bahaya dan risiko tanah runtuh pada skala kampung. Hal ini kerana, inisiatif ini dapat membantu pemahaman komuniti di Indonesia terhadap risiko di kawasan mereka dan memastikan komuniti menggunakan peta yang diberikan kepada komuniti tersebut.

Untuk pemerkasakan komuniti setempat dalam pengurusan bencana banjir, pemimpin komuniti mengadakan latihan persediaan untuk menghadapi bencana banjir pada setiap tahun (Aditya Ramadhan et al. 2019). Di Malaysia latihan persediaan menghadapi bencana banjir ini dijalankan bersama-sama komuniti berkawasan mudah berisiko bencana serta agensi tempatan yang bertanggungjawab untuk menguruskan

